

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Pembangunan Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sarawak telah dipersetujui untuk dilaksanakan secara kerjasama awam swasta (*public private partnership* – PPP) dan sebuah syarikat telah dikenalpasti sebagai syarikat konsesi untuk pelaksanaan projek tersebut. Manakala bagi pembangunan Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah pula, ia masih dibincangkan dengan Kerajaan Negeri Sabah khususnya berhubung kaedah pelaksanaan projek dan syarikat yang akan melaksanakan projek sekiranya ia dilaksanakan secara PPP.

Sehubungan itu, bagi menjawab soalan di perenggan (a), syarikat yang akan menandatangani perjanjian konsesi bagi projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak ialah Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd (LBUSB) manakala bagi projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah, ia belum ditentukan oleh pihak Kerajaan. LBUSB sebagai syarikat konsesi projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak akan melantik kontraktor pembinaan setelah perjanjian konsesi ditandatangani kelak.

Bagi menjawab soalan di perenggan (b), urusan pemilihan kontraktor termasuk urusan tender bagi pembinaan Lebu Raya Pan Borneo akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi dan ia hanya akan dilaksanakan setelah perjanjian konsesi ditandatangani.

Sekian, terima kasih.